

## **ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN**

### **BILANGAN 3 TAHUN 2020**

#### **PERLAKSANAAN SISTEM E-PAJAKAN BAGI PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PAJAKAN TANAH SEBAGAIMANA PEKELILING PTG BIL 04/2020**

---

Arahan ini dikeluarkan bertujuan memaklumkan kepada semua Pentadbir-pentadbir Tanah Jajahan berkaitan perlaksanaan urusan permohonan pelanjutan tempoh pajakan tanah bagi tujuan menggalakkan pemilik tanah membuat permohonan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri .

2. Semua pentadbir tanah jajahan hendaklah melaksanakan pengenaan premium berdasarkan peratusan 40% daripada harga pasaran semasa bagi tanah-tanah kategori bangunan tanpa mengira tempoh yang dimohon manakala bagi kategori tanah yang lain masih mengekalkan peratusan mengikut jadual dalam pekeliling PTG Bil 1 Tahun 2016 serta pemberian diskaun sebanyak 30% bagi setiap permohonan diberikan tanpa mengira kategori tanah bermula 01 Mei 2020 sehingga 30 April 2021.

3. Sehubungan dengan itu, satu sistem e-pajakan diperkenalkan bagi memudahkan urusan pelanggan yang akan membuat permohonan secara atas talian.

4. Pentadbir tanah hendaklah menerima permohonan yang dibuat secara atas talian dan mengarahkan kakitangan untuk menyediakan kertas pertimbangan

sewajarnya sebelum mengemukakan fail kepada Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kelantan untuk diangkat kepada Pihak Berkuasa Negeri.

5. Pentadbir Tanah hendaklah menyediakan kertas kerja berdasarkan perwakilan kuasa yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana kertas pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 9/2020/D 7 ( 105 ) bagi permohonan pelanjutan tempoh kurang 15 tahun.
6. Semua permohonan samada melalui kaeadah penerimaan secara manual atau atas talian ( e-pajakan ) hendaklah diangkat ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan dalam tempoh 14 hari.
7. Arahan ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh ia dikeluarkan.



.....  
**DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL** D.P.S.K (Kelantan), K.M.N  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

**KEPADА**

Yang Amat Berbahagia. Dato' / Yang Amat Berusaha,  
Semua Pentadbir Tanah Jajahan.

**SALINAN KEPADA**

1. YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Dato' Pengarah Jabatan Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha , Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN**

**NEGERI KELANTAN  
BLOK 3 KOTA DARULNAIM  
15503 KOTA BHARU  
KELANTAN**

**FAIL : PTG. KN.32/69 JLD.4**

**BERTARIKH : 27 SEPTEMBER 2020**